

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 25 APRIL 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	RM128j pertingkat produktiviti PKS	Berita Harian
2	Govt eyes productivity growth of 4pc by 2020	New Straits Times
3	Malaysia sasar empat peratus pertumbuhan produktiviti tahunan di bawah RMKe-11	Bernama.com
4	Gempa bumi kuat 6.4 melanda Nepal	Bernama.com
5	Ribut petir berterusan sehingga petang ini	Bernama.com

RM128j pertingkat produktiviti PKS

» *Dana program berimpak tinggi bantu rangsang penghasilan*

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bh.com.my

Kerajaan memperuntukkan sehingga RM128 juta untuk program berimpak tinggi bagi merangsang produktiviti dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM11 juta sudah diperuntukkan bagi tujuan itu.

Katanya, antara program

bagi meningkatkan produktiviti adalah Rangkaian Penyelidikan Awam - Swasta (PPRN), kerjasama SIRIM - Fraunhofer, AIM - Steinbeis Malaysia Foundation dan PlatCOM Ventures.

Tulang belakang ekonomi

"Pertumbuhan produktiviti negara kini pada 2.4 peratus dan kita menasarkan sebanyak 4 peratus dalam Rangcangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

"Kita menasarkan PKS sebagai tulang belakang ekonomi negara, maka kita perlu meningkatkan kadar produktiviti negara," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Mustapa berkata, majlis yang memantau produktiviti ditubuhkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Disember lalu akan bermesyuarat pada Jun ini bagi mempromosi-

sikan empat program berkenaan.

Katanya, majlis itu juga akan mengetengahkan syarikat yang meraih kejayaan hasil daripada program terbabit.

Pantau program

"Selain itu, kita akan memantau program secara berkala bagi melihat keberkesanan produktiviti dan melakukan audit dalam memastikan mencapai objektif ditetapkan.

"Antara sasaran produktiviti gagal dicapai disebabkan oleh pekerja yang tidak berkemahiran, bergantung kepada pekerja asing dan sebagainya," katanya.

Mustapa juga berkata, sebanyak 119 projek peningkatan produktiviti sudah dilaksanakan oleh SME Corp.

"Daripada jumlah itu, 10 projek sudah diselesaikan dan 49 PKS bermintat serta program berkenaan," katanya.



“Pertumbuhan produktiviti negara kini pada 2.4 peratus dan kita menasarkan sebanyak 4 peratus dalam RMKe-10. Kita menasarkan PKS sebagai tulang belakang ekonomi negara, maka kita perlu meningkatkan kadar produktiviti negara”

Mustapa Mohamed,
Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

Govt eyes productivity growth of 4pc by 2020

NEW INITIATIVES: Target will be included in the 11th Malaysia Plan

MUHAMMED AHMAD HAMDAN

KUALA LUMPUR

bt@mediaprime.com.my

MALAYSIA aims to achieve a higher productivity growth rate of four per cent by 2020, in line with its vision of becoming a developed nation by then.

International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed said the target will be included in the 11th Malaysia Plan that will be tabled by the Prime Minister next month.

"We have to work hard on this. It is not easy because it requires what we call a national movement. We will come up with some new initiatives to boost productivity in Malaysia.

"It is not just the government or the private sector's role that counts, it is also the mindset of all Malaysians," he said after attending a meeting on four government-

backed programmes for small and medium enterprises (SMEs), here, yesterday.

Malaysia achieved a productivity growth rate of 2.7 per cent last year, which is considered low compared to other emerging economies such as Thailand at 2.9 per cent and Indonesia at 5.7 per cent.

However, Mustapa said the rate is still higher than those of developed economies such as Japan and the United States' 0.8 per cent and Singapore's 0.04 per cent.

He said the government would introduce additional measures to boost productivity among the SMEs that will be announced in the next meeting in June.

The meeting also aims to promote the four government-backed programmes — Public-Research Network by Ministry of Education, Steinbeis Malaysia Foundation by Malaysian Innovation Agency (AIM), Sirim-Fraunhofer Partnership, and Platcom Ventures Sdn



International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed says Malaysia achieved a productivity growth rate of 2.7 per cent last year. Pic by Abdullah Yusof

Bhd, an SME Corp Malaysia and AIM initiative.

The four programme owners, which offer research and development and commercialisation (R&D&C) services to businesses, also updated Mustapa on their

latest progress.

There are 119 R&D&C projects that are under way while 429 more are in the pipeline for business clients.

The ongoing projects are worth about RM11.1 million.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 25 APRIL 2015 (SABTU)



Malaysia Sasar Empat Peratus Pertumbuhan Produktiviti Tahunan Di Bawah RM Ke-11

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Kerajaan optimis untuk mencatat 4.0 peratus pertumbuhan produktiviti tahunan berbanding 2.3 peratus pada masa ini, berikutan sokongan padu daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, walaupun 2.3 peratus itu dianggap rendah berbanding ekonomi sedang muncul lain seperti Thailand pada 2.9 peratus dan Indonesia pada 5.7 peratus, ia masih lebih tinggi daripada ekonomi maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat pada 0.8 peratus dan Singapura 0.04 peratus.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat empat program disokong kerajaan di sini hari ini, Mustapa berkata, sasaran empat peratus itu telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan dibentangkan bulan depan.

"Ia akan menggariskan proses akhir transformasi negara kepada negara maju berpendapatan tinggi.

"Oleh itu dalam usaha mencapai sasaran ini, PKS yang menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia, perlu bekerjasama dengan kerajaan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi industri itu, sama ada mengenai pemproses jaringan, kekurangan buruh mahir, automasi atau kesukaran mendapatkan buruh asing," katanya.

Mustapa berkata, adalah penting untuk negara berpendapatan tinggi mempunyai syarikat dengan tahap produktiviti lebih tinggi kerana ia akan membuka lebih banyak peluang kepada mereka, termasuk mempunyai produk lebih kompetitif dan akses kepada pasaran global.

Menurutnya, kerajaan akan melaksanakan pelbagai langkah tambahan untuk meningkatkan produktiviti di kalangan PKS, yang akan diumumkan pada mesyuarat seterusnya Jun depan.

Mesyuarat itu juga bertujuan mempromosi empat program disokong kerajaan itu, iaitu Rangkaian Penyelidikan Awam oleh Kementerian Pendidikan; Yayasan Malaysia Steinbeis oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM); Perkongsian **SIRIM**-Fraunhofer dan Platcom Ventures Sdn Bhd, iaitu inisiatif oleh SME Corporation Malaysia dan AIM.

Pada mesyuarat hari ini, pemilik keempat-empat program terbabit, yang menawarkan perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan kepada perniagaan, telah membentangkan perkembangan terkini mereka kepada menteri berkenaan.

Keseluruhannya terdapat 119 projek penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan dan 429 projek lagi dirancang untuk pelanggan perniagaan. Projek yang sedang dijalankan bernilai kira-kira RRM11.1 juta.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 25 APRIL 2015 (SABTU)



Gempa Bumi Kuat 6.4 Melanda Nepal

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter berlaku di Nepal pada pukul 2.45 petang ini (waktu Malaysia).

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini pada Sabtu berkata gempa bumi itu berpusat 482 kilometer (km) Tenggara dari Shyampur, Bangladesh dan 2,903km Barat Laut dari Padang Besar, Perlis.

Tiada ancaman tsunami dan jabatan itu sedang memantau perkembangan ini dan akan memaklumkan perkembangan terkini, kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 25 APRIL 2015 (SABTU)



Ribut Petir Berterusan Sehingga Petang Ini

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Ribut petir yang berlaku di perairan Terengganu, Pahang, serta Bahagian Mukah dan Rejang di Sarawak diramal berterusan sehingga petang ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, ribut petir yang berlaku di perairan Bunguran juga dijangka berterusan sehingga petang ini.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak setinggi 3.5 meter yang berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA